



KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA

KENYATAAN MEDIA MENTERI PERPADUAN NEGARA

MENYAMBUK BAIK TITAH SERI PADUKA BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG

Kementerian Perpaduan Negara (KPN) menyambut baik titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, Sultan Ibrahim, yang menegaskan bahawa sebarang isu berkaitan **pembinaan rumah ibadat mesti dipatuhi mengikut undang-undang dan tidak dipolitikkan**. Titah Seri Paduka Baginda menekankan bahawa Malaysia adalah sebuah negara yang dibina atas asas keharmonian, dan kekuatan negara terletak pada semangat saling menghormati, toleransi, serta pematuhan kepada undang-undang.

Titah Seri Paduka Baginda adalah panduan penting kepada semua pihak untuk sentiasa menghormati undang-undang serta menyelesaikan sebarang isu melalui saluran yang sah. Malaysia adalah sebuah negara berbilang agama dan budaya, dan **tanggungjawab memelihara nilai-nilai perpaduan, keamanan, dan keharmonian terletak pada setiap rakyat** tanpa mengira latar belakang.

Kerajaan menegaskan bahawa isu pembinaan rumah ibadat mesti ditangani sepenuhnya mengikut peruntukan undang-undang sedia ada. **Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171)** memberi kuasa kepada Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) untuk mengawal struktur bangunan dan memastikan tiada rumah ibadat dibina tanpa kebenaran. **Kanun Tanah Negara (Akta 828)** menetapkan tanah mesti berstatus “Tapak Rumah Ibadat”, dan sebarang tanah yang masih berstatus “Kediaman” atau “Pertanian” **hendaklah melalui proses Tukar Syarat Tanah di Pejabat Tanah dan Galian (PTG) sebelum sebarang pembinaan dibenarkan**. **Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 (Akta 172)** melalui PLANMalaysia digunakan untuk merancang pengezonan dan tapak khusus rumah ibadat, manakala **Akta Jalan, Parit dan Bangunan**

1974 (Akta 133) memastikan aspek teknikal dan keselamatan struktur dipatuhi sepenuhnya. Semua proses ini jelas dan berlandaskan undang-undang, sejajar dengan prinsip **kedaulatan undang-undang** yang termaktub dalam Rukun Negara, dan sebarang percubaan untuk **mempolitikkan isu rumah ibadat adalah tidak wajar**, kerana ia hanyalah soal pematuhan undang-undang, prosedur rasmi, dan keselamatan awam.

KPN menegaskan bahawa sebarang isu berkaitan pembinaan rumah ibadat hendaklah diselesaikan melalui **dialog dan rundingan bersama semua pihak berkepentingan**. Kementerian memberi ruang penuh kepada proses **perbincangan dan rundingan yang konstruktif**, dengan matlamat mencapai penyelesaian yang adil, harmoni, dan berlandaskan undang-undang.

Oleh itu, KPN menyokong cadangan yang dikemukakan oleh Peguam Kanan, Mohamed Haniff Khatri Abdulla, bahawa sebuah **jawatankuasa peringkat nasional** perlu ditubuhkan untuk menangani isu rumah ibadat haram secara menyeluruh di seluruh negara. Keanggotaan jawatankuasa itu hendaklah merangkumi pakar dalam **hal ehwal agama, kerajaan tempatan, tanah, dan undang-undang**, bagi memastikan penyelesaian yang adil dan berlandaskan undang-undang.

YB DATUK AARON AGO DAGANG
MENTERI PERPADUAN NEGARA

10 Februari 2026

KPN.100-9/1/16 (9)

